

CNS8754

U GB 24-04 00156 BA841

aab

LAWATAN KE VIETNAM YANG TERBAIK, KATA MAHATHIR

Mahathir - Pulang

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan lawatan rasmi lima hari ke Vietnam sebagai yang terbaik yang pernah dilakukannya.

Lawatan itu amat berjaya, bukan sahaja daripada segi menjalin hubungan yang rapat dan mesra antara kerajaan dengan kerajaan tetapi juga antara masyarakat perniagaan di kedua-dua negara, kata beliau kepada pemberita di lapangan terbang antarabangsa Subang, sekembalinya dari lawatan itu hari ini.

Beliau berkata beliau kagum dengan perkembangan dan keadaan semasa di Vietnam yang +di luar jangkaan+ beliau.

+Terdapat begitu banyak aktiviti perniagaan bukan sahaja perniagaan kecil tetapi yang besar dan terdapat peluang yang luas untuk meningkatkan lagi hubungan ekonomi antara kedua-dua negara+.

Beliau berkata rombongan ahli perniagaan dari Malaysia yang mengikuti beliau berjaya menandatangani lebih daripada 20 perjanjian dengan pihak swasta negara itu dalam pelbagai bidang perniagaan. -- Lagi.

▼24/04/12-51MST

CNS8794

U GB 24-04 00158 BB590

aab

Mahathir - Pulang 2 Kuala Lumpur

+Keadaan sekarang di Vietnam tidak seperti dahulu. Dahulu tidak dibenar perniagaan persendirian tetapi sekarang ini Vietnam dalam proses inovasi dan mereka membenarkan segala jenis perniagaan swasta,+ katanya.

Dr Mahathir berkata pertumbuhan ekonomi di negara itu amat cergas, terutama di Bandar raya Ho Chi Minh yang dahulunya, Saigon.

Lawatan itu juga membolehkan pihak swasta Malaysia mengenalpasti jenis barangan yang boleh diimport dan jenis perkhidmatan serta pelaburan yang boleh diceburi.

+Umumnya lawatan ini amat berjaya. Bahkan saya boleh katakan yang terbaik sekali daripada lawatan-lawatan lain yang saya bawa rombongan peniaga dan usahawan Malaysia,+ tambah beliau.

Perdana Menteri berkata kerajaan Vietnam juga menawarkan kepada usahawan Malaysia kawasan-kawasan yang sesuai yang boleh dijadikan Kawasan Memproses Eksport iaitu sama seperti Kawasan Perdagangan Bebas di Malaysia.

+Mereka menyediakan banyak kawasan. Yang mana yang kita hendak kita pilih untuk membuka industri bagi tujuan eksport,+ katanya.--Lagi

▼24/04/14-32MST

U GB 24-04 00207 BB591

aab

Mahathir - Pulang 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Semasa ditanya sama ada masalah kekurangan matawang utama di Vietnam boleh melembabkan aliran perniagaan antara Malaysia dan negara itu, beliau berkata: + Saya berpendapat bahawa ini tidak akan menjadi masalah besar. Yang pertamanya kita perlu kenalpasti barangan yang kita boleh beli dan hari ini pun kita membeli lebih daripada yang kita jual kepada Vietnam+.

Malaysia akan mengadakan perdagangan timbal balas dengan Vietnam dan juga melalui kaedah pembayaran dua hala.

Dr Mahathir berkata daripada segi hubungan antara kerajaan, lawatannya menghasilkan persefahaman untuk mencari jalan penyelesaian bagi tuntutan timbal tindih oleh kedua-dua negara ke atas kawasan perairan di kepulauan Spratley di Laut China Selatan.

+ Kita bersetuju supaya diadakan rundingan secara damai mengenai perkara ini,+ katanya.

Menyentuh mengenai masa depan kira-kira 12,000 orang pelarian Vietnam yang masih berada di Malaysia, Perdana Menteri berkata Vietnam bersedia menerima rakyatnya yang pulang secara sukarela.

Dr Mahathir yang diiringi oleh isterinya Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, disambut oleh Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba dan beberapa menteri serta pegawai tinggi kerajaan.-- Bernama

▼24/04/14-38MST